

Isu perkauman: Dua akhbar Cina diberi amaran keras

UM 24 JUN 2001

Oleh AHMAD KAMIL YUSOF

KUALA LUMPUR 23 Jun — Dua akhbar harian Cina - *Nanyang Siang Pau* dan *China Press* diberi amaran keras supaya tidak membangkitkan isu-isu perkauman yang boleh menjejaskan paduan kaum di negara ini.

Sambil melahirkan hairan mengapa orang Cina tidak mahu MCA menguasai akhbar milik Nanyang Press itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata:

“Adalah tidak adil jika *Utusan* dikawal supaya tidak keterlaluan di dalam memainkan isu-isu perka-

uman tetapi akhbar-akhbar Cina dibiarkan membangkitkan perasaan kebencian terhadap orang Melayu.

“Kita tidak boleh ada satu kaum yang bebas untuk melamparkan bermacam-macam fitnah dan tuduhan memburukkan kerajaan dan satu kaum yang lain mesti ditarik tali ras (tali kawal kuda) supaya jangan berge-rak.”

Perdana Menteri berkata demikian semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Kata Dr. Mahathir, penu-

lis-penulis akhbar Cina ini mendakwa mereka bebas, tetapi mereka tidak pernah menyokong kerajaan dan pandangan yang ditimbulkan di dalam akhbar *Nanyang* dan *China Press* kerap antikerajaan.

Perdana Menteri kesal kerana apabila dia menegur Suqiu iaitu satu kumpulan kecil orang Cina, beliau ditakrifkan (oleh akhbar-akhbar itu) sebagai mengecam orang Cina keseluruhannya.

“Saya tegur orang Melayu yang keterlaluan, orang Melayu semua tak kata Dr. Mahathir anti-Melayu.”

Dr. Mahathir berkata, be-

liau bukanlah anti-Cina tetapi cuma hendak menegakkan keadilan bagi orang Melayu dan semua rakyat negara ini.

“Saya ada banyak kawan Cina. Saya mengaku, menantu saya pun Cina.

“Saya fikir apa yang saya katakan ini bukan pendirian saya seorang, tapi pendirian parti UMNO juga,” ujarnya.

Perdana Menteri berkata, apa sahaja yang perkatakan khususnya mengenai orang Cina dijadikan isu dan di-besar-besarkan dalam akhbar tersebut.

“Saya nak minta kepada

■ Lihat muka 4

UM 24 JUN 2001

Isu perkauman: Dua akhbar Cina

surat khabar ini jangan main isu ini (perkauman). Jangan cuba libatkan saya dalam perkara ini.

"Surat khabar Cina bebas seperti surat khabar lain tetapi kalau kamu main isu perkauman..." tegasnya lantang tanpa menghabiskan ayat tersebut.

Serentak itu juga, terdengar laungan 'tangkap' dan 'ISA' berkali-kali daripada beberapa perwakilan meminta supaya kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap akhbar berkenaan.

Dalam masa yang sama, Dr. Mahathir meminta supaya akhbar tersebut lebih bertanggungjawab dengan melaporkan yang benar apa yang diperkatakannya.

"Ada surat khabar Cina di sini, saya nak ucapkan terang-terang kepada mereka supaya lapor dengan benar apa yang saya katakan... jangan putar belit,"

"Saya sebut sahaja sesuatu, ini dijadikan

isu dan dibesarkan dalam surat khabar-surat khabar Cina ini," tegasnya.

Perdana Menteri turut memberi amaran terhadap cubaan mengheret namanya dalam kontroversi pembelian kedua-dua akhbar harian itu oleh sayap pelaburan MCA, Huaren Holdings Sdn. Bhd.

Katanya, cubaan tersebut bertujuan mengapi-apikan perasaan benci orang Cina terhadap beliau dan kerajaan.

"Saya bukan hendak berkempen bagi Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik (Presiden MCA), tapi amat kecewa dengan cubaan hendak mengheret nama saya dengan kontroversi *Nanyang* ini.

"Mereka cuba mengapi-apikan perasaan orang Cina supaya membenci kerajaan," ujarinya.

Presiden UMNO itu berkata, kononnya pembelian itu adalah arahnya supaya orang Cina yang marah terhadap parti itu,

akan turut marah terhadapnya serta kerajaan.

Katanya, usaha melibatkan namanya dalam pembelian itu juga bertujuan mengalihkan sokongan orang Cina kepada parti pembangkang, DAP pimpinan Lim Kit Siang.

Dr. Mahathir menjelaskan beliau tidak pernah menyuruh MCA membeli akhbar *Nanyang* dan *China Press* tetapi berpendapat tidak ada salahnya jika kedua-dua akhbar itu dimiliki oleh parti politik Cina.

"Kalau kita (UMNO) boleh membeli akhbar Melayu kenapa MCA tidak boleh?" Tanya beliau yang merujuk kepada akhbar *Utusan* yang dimiliki secara tidak langsung oleh sayap pelaburan UMNO.

Menyentuh lagi mengenai gelagat akhbar Cina itu, Dr. Mahathir berkata, ucapannya yang menyifatkan tuntutan mereka (Suqiu) adalah sama dengan komunis disalahtafsir sebagai menganggap semua orang Cina sebagai komunis.

diberi amaran keras

Katanya, kerajaan juga berhadapan dengan situasi yang sama dengan akhbar-akhbar Cina berikutan pemindahan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Puay Chai, Damansara dan cadangan penubuhan konsep Sekolah Wawasan.

Katanya, kerajaan telah dihentam kerana memindahkan sekolah itu walaupun majoriti murid dan ibu bapa mereka sememangnya mahukan pemindahan itu.

Beliau berkata, cadangan penubuhan Sekolah Wawasan itu juga perlu untuk membolehkan anak-anak Cina dapat berdamping dan belajar bersama-sama anak Melayu serta India bagi memupuk perpaduan.

"Sekarang tumbuh bandar baru yang tidak ada sekerat pun orang Melayu. Kalau ada hanya Sekolah Cina di sekolah baru. Maka anak Cina tidak lagi akan berdamping dengan anak Melayu dan India. Ini tidak baik kepada perpaduan kaum dalam negara kita," katanya.

Akhbar-akhbar *Nanyang* dan *China Press* juga telah membesar-besarkan isu ini, kata Perdana Menteri.

Malaysia, katanya, merupakan negara paling liberal kerana ia merupakan satu-satunya negara di dunia, penduduk Cina dibenarkan mempunyai sekolahnya sendiri dengan pembiayaan kerajaan.

Sementara itu bercakap kepada pemberita selepas perhimpunan itu, Perdana Menteri menegaskan kerajaan akan meneruskan dasar sedia ada berhubung Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil mengikut keperluan biarpun ada cadangan supaya ia dihentikan.

Walaupun ada cadangan daripada Pemuda UMNO Bahagian Kuala Lipis supaya kerajaan menolak permintaan baru untuk menubuhkan SJK, Dr. Mahathir berkata, pandangan itu tidak mewakili seluruh ahli UMNO.